

→ BISNES

Julie's terus kempen Titipkan Luahan Kasih Anda

[FOTO RASUL AZLI SAMAD/BH]

Sempena sambutan Aidilfitri tidak lama lagi, Julie's Biscuits meneruskan kempen Titipkan Luahan Kasih Anda bagi menyemarakkan lagi sambutan hari lebaran bersama insan tersayang.

Pengurus Pemasaran Julie's Biscuits, Benny Chia, berkata kempen memasuki siri kedua itu tekankan amalan kunjung-mengunjung dan pemberian buah tangan ketika melawat sanak-saudara.

Benny berkata, bagi yang tidak bersama pada hari mulia kerana tugas dan kekangan lain, mereka boleh kirimkan pek sampul raya yang terdapat dalam tin biskut Belanda Love Letters 700 gram.

"Seperti tahun lalu, pek sampul ini menyediakan ruang kepada anda untuk menulis nota kasih sayang dan ucapan sebagai pengganti diri.

"Selain itu, bawakan biskut Belanda ini sebagai buah tangan ketika saat berkunjung ke rumah

terbuka keluarga dan sahabat," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Lebih tradisional

Beliau berkata, dengan ledakan teknologi generasi kini, masyarakat lebih senang memilih menghantar pesanan hari raya menerusi pesanan ringkas di WhatsApp, WeChat dan sebagainya.

Begitupun, katanya, Julie's kekal mahu ucapan ditulis dengan tulisan tangan supaya lebih tradisional berbanding dengan teks digital kerana cara itu lebih bermakna dan dekat di hati.

Justeru, bagi merencanakan lagi titipan ucapan kepada insan tersayang, Julie's mengadakan peraduan mesej menerusi gambar di media sosial.

"Walaupun menyokong perkembangan teknologi, Julie's berharap masyarakat memilih berkongsi kasih sayang secara tradisional," katanya.

Info

Cara peraduan menerusi gambar

→ **Ambil gambar** bersama Julie's Love Letter 700 gram.

→ **Sertakan keterangan** gambar hari raya paling kreatif

→ **Muat naik gambar** dan keterangan

di Facebook/Instagram dengan #TitipanLuahanKasihAnda → **10 pemenang** dan insan kesayangan akan memenangi baucar Zalora bernilai RM350 seorang



Pengurus Besar Bahagian Pemasaran Perfect Food Manufacturing (M) Sdn Bhd, Rigel Oye (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Datuk Zainal Hussin sambil diperhatikan Chia pada sidang media Titipan Kasih Iftar bersama Julie's di Melaka, baru-baru ini.